



**URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA ONE-OFF BAGI PEGAWAI YANG
TELAH BERADA DI GRED KENAIKAN PANGKAT PADA TARikh
BERKUATKUASA PERTUKARAN PELANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN YANG,
DINAIKTARAF
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

1. JAWATAN

- a) Operator Loji Gred H14
- b) Pemandu Kenderaan Gred H14
- c) Penghantar Notis Gred N14
- d) Pembantu Operasi Gred N14
- e) Pembantu Awam Gred H14

2. Kenaikan Pangkat ini terbuka kepada calon-calon seperti berikut:

- a) Operator Loji Gred R8 sebelum Opsyen Pertukaran Pelantikan ke Gred H11 bagi jawatan 1(a);
- b) Pemandu Kenderaan Gred R6 sebelum Opsyen Pertukaran Pelantikan ke Gred H11 bagi jawatan 1(b);
- c) Penghantar Notis Gred N12 sebelum Opsyen Pertukaran Pelantikan ke Gred Gred N11 bagi jawatan 1(c);
- d) Pembantu Am Pejabat Gred N4 sebelum Opsyen Pertukaran Pelantikan ke Pembantu Operasi Gred N11 bagi jawatan 1(d); dan
- e) Pekerja Awam Gred R4 dan Pekerja Awam Khas Gred R6 sebelum Opsyen Pertukaran Pelantikan ke Pembantu Awam Gred H11 bagi jawatan 1(e);

3. SYARAT KENAIKAN PANGKAT

Calon-calon mestilah berkhidmat di Kementerian Kerja Raya atau Jabatan Kerja Raya (Lantikan Persekutuan termasuk pegawai yang mengisi jawatan kader atau dipinjamkan ke agensi lain) dan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- a) Memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan Sistem Saraan Malaysia (SSM);
- b) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- c) Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 80% ke atas bagi 3 tahun terakhir;

- d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;
- e) Bebas dari hukuman tatatertib;
- f) Telah mengisyiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- g) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- h) Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- i) Pegawai yang telah berada di **gred kenaikan pangkat** iaitu Gred R8/R6/R4/N12 dan N4 pada tarikh pelaksanaan Opsyen Pertukaran Pelantikan sahaja yang terlibat di dalam urusan kenaikan pangkat ini (tarikh kuatkuasa Opsyen Pertukaran Pelantikan : **01 November 2013**); dan
- j) Pegawai masih berkhidmat pada **1 April 2018**.
- k) Pegawai yang memilih untuk menunggu kenaikan pangkat secara *time-based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK) semasa opsyen pertukaran pelantikan **tidak layak** dipertimbangkan urusan kenaikan pangkat *one-off* ini.

4. PERMOHONAN

- i. Permohonan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan dengan mengisi borang **KKR/BPSM/NP** (salinan fotostat borang diterima) dengan menyertakan dokumen-dokumen yang **disahkan oleh Ketua Jabatan** iaitu:
 - a) Sesalinan Penyata Perkhidmatan (**termasuk penyata cuti**) yang **dikemaskini** sehingga terkini dan disahkan;
 - b) Sesalinan Surat Kelulusan Perisyiharan Harta yang terkini (**yang masih berkuatkuasa dalam tempoh 5 tahun**);
 - c) Sesalinan setiap satu Laporan Nilaian Prestasi Tahunan untuk tiga (3) tahun terkini (**Tahun 2015, 2016, dan 2017**);
 - d) Surat Akuan Pinjaman Pendidikan.
 - e) Salinan Surat Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

5. PERMOHONAN YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN

Permohonan yang diterima seperti berikut **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**:

- a) Tidak menggunakan Borang KKR/BPSM/NP;
- b) Tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;
- c) Tidak menyertakan salinan dokumen yang diperlukan;
- d) Tidak mengemukakan maklumat yang lengkap dan jelas;
- e) Salinan dokumen yang diperlukan tidak disahkan;
- f) Buku Perkhidmatan yang tidak dikemaskini;
- g) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan; dan
- h) Diterima selepas tarikh tutup iklan.

6. ALAMAT PERMOHONAN

Permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat seperti berikut:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 14, BLOK B, KOMPLEKS KERJA RAYA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR
(u.p.: Cawangan Pengurusan Prestasi dan Kemajuan Kerjaya)**

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan jawatan-jawatan yang diiklankan adalah pada **31 Ogos 2018.**

8. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:-

- | | | |
|----|-----------------------------------|----------------|
| a) | Cik Marzatul Akmar binti Mohd Nor | (03-2771 4929) |
| b) | Cik Nor Fazilah binti Shaharuddin | (03-2771 4983) |